

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**JAWAPAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
(PASIR GUDANG)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan Pusat akan memulihkan litar lumba kereta dan motosikal yang telah terbiar sejak sekian lama di Pasir Gudang supaya dibangunkan semula untuk menggalakkan sukan pemotoran di kalangan anak muda.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada masa ini tiada perancangan untuk membaik pulih atau menaik taraf litar lumba kereta dan motosikal di Pasir Gudang berikutan litar ini bukan di bawah seliaan Kementerian ini secara langsung.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini mengalu-alukan sekiranya ada cadangan daripada Yang Berhormat untuk membaik pulih atau menaik taraf litar ini kepada pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memulihkan beberapa projek perumahan rakyat oleh pihak swasta yang telah terbengkalai bertahun tahun di Pasir Gudang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), tiada projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Pasir Gudang yang terbengkalai. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2021 sebanyak 78 projek perumahan swasta merangkumi 17,832 unit rumah telah disahkan sebagai terbengkalai di Semenanjung Malaysia mengikut Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Kesemua projek ini melibatkan 11,790 orang pembeli.

Kategori 78 projek tersebut adalah seperti berikut:

- i) 37 projek iaitu 11,074 unit rumah yang melibatkan 5,972 pembeli sedang dalam peringkat perancangan bagi mengenal pasti kaedah dan mekanisme untuk memulihkan projek tersebut melalui penyelesaian yang dipersetujui bersama oleh pemaju penyalamat dan pembeli;
- ii) 26 projek iaitu 3,383 rumah yang melibatkan 2,808 pembeli dalam peringkat statik yang mana sedang dalam penyelesaian isu perundungan; dan
- iii) 15 projek iaitu 3,375 rumah yang melibatkan 3,010 pembeli dalam peringkat sedang dipulihkan.

Bagi negeri Johor, pecahan projek perumahan swasta terbengkalai mengikut parlimen sehingga 31 Oktober 2021 adalah seperti jadual berikut:

**SOALAN NO : 132**

<b>Bil</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>BIL. UNIT DIBINA</b>	<b>BIL.UNIT DIJUAL (PEMBELI)</b>	<b>TARIKH SEPATUT SIAP</b>	<b>TARIKH ISYTIHAR TERBENGKALAI</b>
1	Taman Desa Kempas, Fasa 3, Tebrau	P.160 JOHOR BAHRU	410	294	16.12.2003	18.9.2013
2	Taman Kulai Utama, Kulai	P.163 KULAI	60	9	30.8.2006	16.3.2012
3	Taman Mount Austin, Johor Bharu	P.160 JOHOR BAHRU	493	718	6.12.2008	16.3.2012
4	Taman Setia Indah, Johor Bahru	P.160 JOHOR BAHRU	427	406	5.11.2013	6.11.2019
5	Taman Satria, Pontian	P.164 PONTIAN	132	70	31.1.2003	30.7.2015
6	Taman Bayu Tebrau, Plentong	P.158 TEBRAU	980	659	19.11.2003	16.3.2012
7	Plaza Mentari (Sun City) Blok A, Plentong	P.158 TEBRAU	231	98	4.6.2016	4.10.2018
8	Taman Tunku Abdul Rahman, Segamat	P.140 SEGAMAT	90	63	22.6.2005	16.3.2012
9	Taman Mewah Jaya, Plentong	P.158 TEBRAU	199	169	1.4.2005	31.12.2005
	<b>JUMLAH</b>		<b>3,022</b>	<b>2,486</b>		

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara kaedah pemulihan dan penyelesaian projek perumahan terbengkalai yang telah diambil oleh KPKT bagi membantu meringankan beban para pembeli ialah melalui kaedah '*mediation*' dan kaedah pemulihan. Kaedah pemulihan dilaksanakan melalui penyelesaian dengan pembeli iaitu dengan menjual semula unit rumah kepada pihak pelikuidasi.

Sebagai contoh projek yang berjaya dipulihkan melalui kaedah '*mediation*' oleh KPKT adalah Taman Salak Maju, Sepang Selangor yang terdiri daripada 119 unit kondominium jenis Rumah Pangsa 5 Tingkat (RP5T) yang melibatkan seramai 89 pembeli. Projek ini sepatutnya disiapkan pada bulan Februari 2005. Walau bagaimanapun, kemajuan projek tertangguh disebabkan pihak pemaju menghadapi masalah kewangan pada masa tersebut. Susulan itu, projek ini telah disahkan sebagai projek perumahan swasta terbengkalai oleh YB Menteri KP KT selaras dengan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan & Perlesenan) 1966 [Akta 118] pada 18 September 2013. Kementerian bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi yang terlibat telah menyelaraskan tindakan serta memberikan *facilitation* kepada pemaju penyelamat sehingga akhirnya projek ini berjaya disiapkan dengan mendapat *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) pada 23 September 2021.

Selain itu, antara projek yang berjaya dipulihkan melalui kaedah penyelesaian ialah pemajuan Taman Cahaya Perserai, Batu Pahat, Johor. Melalui kaedah ini, seramai tujuh (7) orang pembeli asal telah menjual semula unit rumah masing-masing kepada pihak pelikuidasi berdasarkan terma perjanjian yang termaktub dalam *Buy Back Agreement* yang ditandatangani pada 11 Mac 2020.

Kementerian sentiasa konsisten dan terus komited untuk memulihkan projek perumahan rakyat oleh pihak swasta yang telah terbengkalai. Namun, perkara ini hanya akan dapat diselesaikan dengan kerjasama daripada kerajaan negeri, PBT dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Sekian terima kasih